

Jaminan Kerajaan Negeri

Kuantan Waterfront Resort City tak jejas penduduk, persekitaran

ROSILAWATI ROSEDI

KUANTAN - Kerajaan Negeri memberikan jaminan tiada pihak yang akan terjejas berikutan kewujudan Kuantan Waterfront Resort City yang dijadualkan memulakan kerja-kerja pembangunan fasa pertama pada awal tahun depan.

Menteri Besar, Datuk Seri Diraja Adnan Yaakob berkata, ia berikutan kegusaran se-setengah pihak terhadap projek membabitkan kos RM1.6 bilion itu di Tanjung Lumpur dengan keluasan kira-kira 200 hektar akan menjasaskan mereka.

"Ia tidak kakau sesiapa dan kaedah yang digunakan ialah tebus tanah dan ia juga dapat menjadi tarikan serta membangunkan sektor pelancongan di negeri ini," katanya.

Beliau berkata sedemikian dalam ucapannya sempena Majlis Menandatangani Perjanjian Pembangunan projek tersebut di sini semalam.

Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah mencemar duli dan menjadi saksi perjanjian



Sultan Ahmad Shah mendengar penerangan daripada konsultan projek sambil diperhatikan Adnan (kiri), Zailan (kanan).

tersebut antara Kerajaan Negeri dan Newston International Group Sdn Bhd yang dihadiri Pengarah Projeknya, Tan Sri James Foong Chen Yuen, Ketua Pegawai Eksekutif Newston, Datuk Zailan Abdul Ghapar dan Pengarah Urusannya,

Heap Wei Guan.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Muhammad Safian Ismail.

Turut berlangsung majlis memeterai Perjanjian Persefahaman (MOU) antara Newston bersama Ideal

Heights Development Sdn Bhd sebagai rakan strategik.

Adnan dalam ucapannya juga berkata, Kerajaan negeri mengambil tempoh lima bulan untuk mengkaji projek tersebut yang turut bakal menawarkan kira-kira 5,000 pe-

luang pekerjaan.

"Ia akan mencipta aktiviti baru dan sumber ekonomi pada Pahang secara keseluruhan dan dengan limpahan ini, ia akan memberikan ke makmuran dan keselesaan pada penduduk," katanya.

yang mengharapkan projek pembangunan itu akan berjalan lancar.

Sementara itu, Wei Guan berkata, pemilihan Tanjung Lumpur untuk projek tersebut kerana ia adalah gerbang Wilayah Pantai Timur selain lokasi strategik yang berhampiran bandar Kuantan.

"Ia akan menjadi waterfront terbesar di negeri ini dan projek ini hanya dijalankan selepas mendapat laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA)," katanya.

Projek bercirikan 'bandar resort pinggir air' terbabit bakal menjadi tarikan destinasi pelancongan terbaru di ini negeri ini iaitu hampir

25 peratus kawasan akan dibangunkan menjadi pusat pelayaran serta marina selain dilengkapi hotel, resort, kawasan kediaman, pusat komersial dan perniagaan, pusat perubatan dan penjagaan kesihatan.

Pembangunan projek ini bakal dilancarkan secara berperingkat membabitkan lima fasa dalam tempoh 10 hingga 15 tahun.